

16 APR 2002

Azalina-Wanita

PUTERI UMNO MINTA KERJASAMA PERSATUAN WANITA BENDUNG JENAYAH SEKS

PETALING JAYA, 16 April (Bernama) -- Persatuan dan pergerakan wanita, termasuk daripada parti pembangkang diminta berganding usaha dan tenaga untuk membendung jenayah seks terhadap kanak-kanak, wanita serta gejala sumbang mahram yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini.

Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman berkata, kaum wanita sendirilah sebenarnya yang layak dan mampu menjadi "mata dan telinga" dalam membendung jenayah seumpama itu.

"Tindakan ini perlu supaya masyarakat menyedari bahawa wanita boleh menjadi "mata dan telinga" kepada perkara sumbang yang dilakukan terhadap kaum wanita itu sendiri," katanya ketika ditemui selepas membentangkan kertas kerja pada persidangan setiausaha dan pentadbir profesional anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) di sini, hari ini.

Azalina berkata antara tindakan awal Puteri Umno, melalui Biro undang-undangnya ialah mengadakan kempen dan mengeluarkan risalah untuk disebarikan terutama di peringkat bahagian dan cawangan sebagai panduan kepada masyarakat.

"Saya juga telah meminta adik-adik puteri (Umno) supaya sentiasa bersedia untuk berdepan dengan kes-kes sedemikian dan kita akan cuba membantu mangsa-mangsa mengikut kemampuan," katanya.

Menurut beliau lagi, Puteri Umno ada menerima maklumat balas berhubung kes-kes sedemikian dan setakat ini beliau berpuashati kerana masyarakat telah mula memberi reaksi positif dengan melaporkan serta membangkitkan isu itu demi kebaikan bersama.

Mengenai kes gangguan seksual di tempat kerja yang tidak dilaporkan oleh mangsa, Azalina berkata banyak kes tidak dilaporkan kerana struktur organisasinya tidak menggalakkan laporan sedemikian dibuat.

Ini tetap berlaku walaupun banyak yang telah diperkatakan mengenai pentingnya diwujudkan, bukan sahaja undang-undang, tetapi jaminan tulus daripada sesuatu syarikat supaya tidak bertolak ansur terhadap kes-kes gangguan seksual melibatkan kakitangan syarikat mereka.

"Sebenarnya kes-kes gangguan seksual, sumbang mahram dan rogol berkaitan dengan masalah mental, dan ramai yang melakukan kejahatan itu mengambil kesempatan dengan menggunakan kuasa yang diamanahkan kepada mereka"

"Kita juga takut sekiranya gangguan seksual di tempat kerja berterusan, tidak ramai wanita yang mahu keluar bekerja dan ini boleh memberi kesan kepada ekonomi negara," katanya.

Azalina menyambut baik pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru-baru ini meminta masyarakat memiliki nilai-nilai dan pekerti mulia serta mempunyai perasaan malu terhadap perbuatan keji seumpama itu.

Pada persidangan itu, Azalina membentangkan kertas kerja mengenai definisi kepimpinan serta beberapa isu berkaitan sumber manusia.

Menurut beliau, yang lebih penting dalam kepimpinan ialah perubahan sikap dengan masyarakat Malaysia perlu berani menerima cabaran, banyak membaca serta mempunyai sikap ketulusan dan profesionalisme.

"Kita mahu pekerja yang berkualiti terutama dalam menghadapi Wawasan 2020, dengan memberi banyak penekanan kepada sikap pekerja yang baik daripada pengurus hinggalah kepada kakitangan am," katanya.

-- BERNAMA

WNZ AHH PR

